

ISU PEMERDAGANGAN MANUSIA

Tubuh suruhanjaya tambah baik keselamatan sempadan

Baru-baru ini negara digemparkan dengan penemuan tapak perkuburan besar serta beberapa khemah dipercayai digunakan bagi menempatkan pelarian di Padang Besar, Perlis. Menurut sumber Kementerian Dalam Negeri (KDN), khemah yang turut dijumpai di kawasan berkenaan dipercayai sudah beroperasi sekurang-kurangnya lima tahun dan ia ditinggalkan ketika pihak berkuasa tiba di tempat kejadian.

Penemuan tapak kubur besar terbabit mengundang perasaan terkejut banyak pihak yang jarang mendengar mengenai penemuan sebarang tapak kubur berskala besar sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua lebih 70 tahun lalu.

Isu ini mula mendapat liputan masyarakat antarabangsa melalui laporan media mereka. Pel-

bagai spekulasi ditimbulkan oleh pelbagai pihak yang mengatakan bahawa tapak kubur besar serta khemah terbabit berkemungkinan mempunyai kaitan dengan pelarian Rohingya. Ada juga yang mengatakan ia berkemungkinan berkaitan aktiviti permerdagangan manusia.

Walau apa pun spekulasi diberikan, pihak berkuasa Malaysia dan Thailand sedang giat melakukan penyiasatan. Penemuan tapak kubur itu perlu dipandang serius semua pihak, lebih-lebih lagi ada pihak yang mengatakan ia mungkin berpunca daripada kelemahan sistem rondaan serta kawalan sempadan oleh pihak berkuasa negara kita.

Ada juga pihak yang mengatakan insiden berkenaan berlaku kerana terdapat segelintir pihak berkuasa di dalam negara sendiri yang terbabit dengan insiden ini. Jika perkara ini tidak disiasat

segera, ia akan menjejaskan nama baik negara. Oleh yang demikian, pihak berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan KDN mesti giat melakukan siasatan terperinci bagi menyelesaikan isu ini dengan kadar segera.

Ambil tindakan tegas

Jika wujud bukti kukuh untuk sebarang pendakwaan, tindakan tegas perlu diambil. Penubuhan 'Suruhanjaya Siasatan Diraja' melalui Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Akta 119) bagi menyiasat perkara terbabit dengan lebih terperinci boleh juga dipertimbangan kerajaan.

Melalui suruhanjaya itu, pihak dilantik dapat menyiasat dengan teliti isu ini serta memberi pandangan mengenai aspek penambahbaikan yang berkaitan dengan sempadan negara supaya ia

tidak mudah dicerobohi mana-mana pihak pada masa akan datang.

Hasil siasatan melalui suruhanjaya itu juga sudah pasti dapat membantu kerajaan mendapatkan segala maklumat diperlukan bagi mengenal pasti punca tragedi dengan lebih dekat serta mengambil langkah proaktif membendung masalah sama daripada berulang.

Penubuhan suruhanjaya berkenaan juga akan dilihat semua rakyat sebagai komitmen serius kerajaan untuk menyelesaikan segala isu dan polemik yang banyak dibangkitkan pelbagai pihak sejak kebelakangan ini terutama isu membabitkan rasuah serta aktiviti permerdagangan manusia yang berlaku berhampiran sempadan negara.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia.

FORUM

Pembaca yang ingin
menyuarakan
pandangan berhubung
isu semasa boleh
menghantar
sumbangan
menerusi e-mel:

bhforum@bh.com.my